

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

WAKAF MAIK MUAMALAT DIJENAMA SEMULA, TRANSFORMASI DIGITAL SASAR PENINGKATAN KUTIPAN 20 PERATUS

KELANTAN, 25 Ogos 2024 – Setelah enam tahun menjadi platform saluran dana wakaf di negeri Kelantan, Wakaf MAIK Muamalat hari ini dijenamakan semula dengan pelancaran logo baharu dan kod QR bagi membolehkan masyarakat berwakaf secara dalam talian dengan mudah, pantas, dan telus.

Melalui transformasi digital tersebut, Wakaf MAIK Muamalat yang merupakan hasil kerjasama Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) menyasarkan peningkatan kutipan sebanyak 20 peratus.

Wakaf MAIK Muamalat telah dilancarkan pada tahun 2018 dengan kutipan yang telah mencapai lebih daripada RM2.3juta. Sehingga kini, sejumlah RM932,526.57 telah diagihkan kepada projek wakaf yang memanfaatkan sembilan ahli komuniti di negeri Kelantan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata, sumbangan yang diterima Wakaf MAIK Muamalat akan diagihkan kepada projek-projek wakaf di Kelantan di bawah sektor pendidikan, kesihatan, dan pemerkasaan ekonomi masyarakat setempat, termasuk penajaan asnaf terpilih untuk menyertai program keusahawanan iTEKAD Bank Muamalat.

“Dengan pengalaman dan kepakaran dalam mengurus dan mengembangkan dana wakaf sejak tahun 2012, selain di Kelantan, pihak Bank juga mengutip dan menguruskan dana wakaf majlis agama Islam di Selangor, Negeri Sembilan, Kedah serta Pahang.

“Bank Muamalat komited untuk menjadi peneraju agenda wakaf tunai melalui kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri untuk memperkasa kemajuan ummah dalam mencipta kehidupan lebih baik, bersama.





"Dalam pada itu, bagi menyahut seruan Bank Negara Malaysia untuk menyokong landskap perkhidmatan kewangan digital yang lebih memberangsangkan, Bank Muamalat juga telah menyediakan perkhidmatan wakaf digital di kelima-lima negeri ini bagi mempermudahkan urusan wakaf di setiap negeri," katanya.

Pelancaran logo baharu dan kod QR Wakaf MAIK Muamalat telah dilangsungkan hari ini, bersempena Bulan Wakaf MAIK dan telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam bin Tengku Abdul Aziz, Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Wakaf MAIK Muamalat, sila layari laman sesawang Bank Muamalat di www.muamalat.com.my atau kunjungi cawangan Bank Muamalat terdekat. Pelanggan juga boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di 03-2600 5500 untuk maklumat lanjut.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Syahida Azureen | syahida.azureen@muamalat.com.my | +6012 242 3696

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.



BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD 196301000376 (6175-W)

Ibu Pejabat, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur
Laman Web : www.muamalat.com.my Tel : 03 2600 5500



Abdi kumpulan
DRB-HICOM